

# Tiada syarikat kita terlibat bakar hutan di Indonesia

Oleh **KHAIRUN NIZAM**  
**MOHAMMAD YUSUFF**

## **KUALALUMPUR 16 Okt.**

- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid menegaskan tiada syarikat Malaysia terlibat dengan aktiviti pembakaran hutan dan tanah pertanian di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Kenyataan tersebut dibuat selepas Jakarta gagal menyenaraikan syarikat negara ini yang didakwa menjadi punca berlaku kebakaran dan jerebu sejak bulan lalu.

Menurutnya, sehingga hari ini tidak ada sebarang laporan dikemukakan oleh republik berkenaan walaupun permintaan mengenainya (senarai syarikat terlibat) telah dikemukakan beberapa kali.

"Kita juga pernah minta (senarai syarikat terlibat) pada Mesyuarat Kerjasama Menangani Jerebu Peringkat Menteri Alam Sekitar baru-baru ini, tetapi mereka (Indonesia) tak mahu bagi.

"Sebelum ini pun kita dah bagi tahu jika benar ada syarikat yang terlibat, tangkap dan bawa sahaja ke mahkamah. Tetapi sampai hari ini tidak ada satu pun syarikat dari negara ini yang didakwa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Azmi berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kelewa-

tan negara jiran itu menyerahkan laporan siasatan berhubung pembabit syarikat Malaysia dengan aktiviti pembersihan hutan, sekali gus menyebabkan jerebu.

Sebelum ini pemimpin ASEAN menyuarakan kekesalan dan mengkritik Indonesia kerana lambat bertindak mengatasi masalah pembakaran terbuka di beberapa wilayah di Indonesia khususnya di Sumatera dan Kalimantan.

Ini kerana jerebu yang dibawa dari negara sumber itu telah menimbulkan masalah kesihatan penduduk, mengganggu kelancaran penerbang udara dan laut di nega-

rajirannya.

Azmi berkata, Indonesia tidak sepatutnya menyalahkan syarikat Malaysia semata-mata dalam isu jerebu, sebaliknya berfikir lebih terbuka.

Ini kerana katanya, kebanyakan syarikat yang didakwa hanya menjadi rakan kongsi atau pemodal yang berkerjasama dengan syarikat di sana untuk memajukan sektor pertanian dan pembalakan.

"Kebanyakan syarikat tempatan hanya menyumbang modal dan kalau ada (yang beroperasi di Indonesia) pun mereka wujud atas nama perkongsian dengan syarikat Indonesia bukannya menggunakan nama syarikat di Malaysia," tambahnya.

Azmi turut mempertikaikan keberkesanan undang-undang berhubung pencemaran di negara itu yang gagal mengheret pihak terbabit ke muka pengadilan.

Ujar beliau, sekiranya pihak berkuasa negara itu benar-benar serius hendak menangani kejadian jerebu, soal penyenaian syarikat Malaysia tidak perlu dibangkitkan kerana undang-undang yang ada sudah mencukupi.

Sementara itu, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui yang dihubungi berkata, kelewatan Indonesia menyerahkan laporan siasatan berhubung kejadian jerebu menyukarkan kementeriannya.